

# UMNO Perak tidak

UM - 2 FEB 2003

IPOH 1 Feb. — UMNO Perak tidak menolak mana-mana calon luar untuk bertanding di negeri ini pada pilihan raya akan datang jika terbukti berwibawa dan diterima oleh penduduk setempat.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali berkata, pendirian itu adalah sejajar dengan matlamat memastikan kemenangan parti berbanding dengan kepentingan individu.

Bagaimanapun beliau menambah, pendirian itu tidak harus disalahertikan dengan

menyangka Perak tidak mempunyai calon tempatan yang berwibawa, khususnya untuk berkhidmat kepada masyarakat setempat.

“Apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang memuji sikap ahli UMNO dahulu yang tidak mengamalkan semangat kenegerian adalah tepat.

“Tetapi ia perlu ada ke-longgaran iaitu dengan memahami masalah masyarakat setempat dan juga anak negeri yang menjadi ahli UMNO itu sendiri,” katanya ketika ditemui selepas me-

## tolak calon luar bertanding

ngunjungi rumah terbuka Tahun Baru Cina, anggota Exco Kerajaan Negeri, Datuk Ong Ka Chuan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang memuji sikap ahli UMNO dahulu yang tidak mengamalkan semangat kenegerian dan tidak berebut-rebut untuk menjadi calon bagi sesuatu jawatan.

Dr. Mahathir berkata, sikap sedemikian membolehkan

ri tempat kepada yang benar-benar layak berjuang.

Mohd. Tajol Rosli menjelaskan, pucuk pimpinan parti perlu menghargai komitmen dan sokongan anak negeri yang sudah lama berjuang untuk memastikan kemenangan parti walaupun tidak dicalonkan dalam pilihan raya.

Lagipun katanya, UMNO perlu menyedari bahawa kekuatan parti tidaklah seperti dahulu dan sebab itulah, pemilihan calon untuk bertanding perlu dibuat secara lebih berhati-hati.

“Memahami kehendak dan

keperluan masyarakat setempat seharusnya dijadikan asas utama dalam meletakkan calon untuk bertanding, selain soal kewibawaannya untuk berkhidmat kepada orang ramai,” katanya.

Mohd. Tajol Rosli juga berkata, UMNO Perak berharap dapat menampilkan lebih ramai calon yang mempunyai latar belakang pendidikan agama bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya, ia sejajar dengan hasrat parti yang menambahkan bilangan calon yang memiliki pendidikan sedemi-

kian bagi menyebarkan nilai-nilai Islam yang sebenarnya.

“UMNO Perak akan menghantar senarai nama bakal calon pilihan raya umum yang mempunyai latar belakang pendidikan agama untuk dipertimbangkan oleh pucuk pimpinan parti.

“Tetapi perancangan itu tidak akan menjejaskan kerjasama UMNO dengan parti komponen lain dalam usaha memenangi pilihan raya umum yang dijadualkan berlangsung tidak lama lagi,” katanya.